

DEWAN MAJLIS**Selasa, 9 Syaaban 1442 / 23 Mac 2021****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak Hadir)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kesembilan hari Selasa, 9 Syaaban 1442 bersamaan 23 Mac 2021 didahului dengan doa selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
اللَّهُمَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, bersidang bagi hari yang kesembilan di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini masih lagi

membincangkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, masa nampaknya semakin singkat dan berjalan begitu cepat. Saya telah menekankan bahawa kita telah bersidang selama sembilan hari iaitu pada hari ini hari yang kesembilan dan nampaknya kita hanya mempunyai tujuh hari sebelum 1 April 2021 iaitu Tahun Kewangan kita akan bermula.

Jadi, saya harap semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, sama-sama kita bertanggungjawab untuk menentukan supaya masa yang kita yang ada dalam majlis ini akan dapat digunakan sebaik-baiknya dan secepat-cepatnya kita dapat menyelesaikan masalah belanjawan yang kita hadapi sekarang ini. Kita masih mempunyai empat ataupun lima kementerian lagi yang belum kita teliti termasuk Belanjawan Kemajuan. Jadi, saya penuh berharap dan meminta sekali lagi supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada di pihak yang dilantik mahupun pihak *Ex-Officio* akan dapat menentukan bahawa kita akan dapat menjalankan tugas-tugas kita dengan sempurna pada tahun ini. Kita mengetahui bahawa tahun ini kita terlambat sedikit memulakan mesyuarat kita dengan sebab-sebab yang tertentu dan pada masa yang sama, kita juga berhadapan dengan masalah *COVID-19* yang masih melanda yang sedikit sebanyak masih membabitkan kita.

Dengan itu, saya penuh berharap sekali lagi supaya kita akan dapat

menumpukan perhatian dan memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap usaha yang kita lakukan ini. Maka bagi membolehkan kita berbincang dan meneruskan meneliti tajuk-tajuk seterusnya dalam belanjawan yang berkenaan saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita dapat bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 satu per satu. Pada petang semalam kita telah mula membincangkan, membahaskan dan meneliti di bawah Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Saya masih lagi mempunyai beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membahaskan tajuk belanjawan ini dan saya juga difahamkan bahawa Menteri Hal Ehwal Ugama suka untuk mendahului dengan memberikan penerangan sebagaimana yang dinyatakan semalam, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. Kaola mengambil kesempatan awal pagi ini sebelum

menerima soalan-soalan yang mungkin bertubi-tubi selepas ini untuk menjelaskan 2 perkara sebenarnya daripada 2 orang Ahli Yang Berhormat:

1. Secara khusus, berhubung dengan peruntukan pemeliharaan iaitu promosi akal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Yang Berhormat bertanya dari jumlah peruntukan yang ada itu adakah termasuk juga peruntukan untuk inovasi pendidikan. Semalam, pertamanya kaola tidak tercatat dengan sempurna dan selepas itu kaola diperingatkan oleh pegawai-pegawai bahawa perkara itu perlu dijelaskan.

Pada hari ini, kaola akan menjelaskan Yang Berhormat Pengerusi. Secara khususnya memanglah peruntukan yang ada itu untuk menyokong apa jua kehendak dalam erti kata untuk dimasukkan 'promosi akal' ataupun dalam Maqasid Syariah 'ibzul akli', akal itu juga diterjemahkan sebagai 'intelek'. Dalam bidang pendidikan, kalau inovasi pendidikan itu ia menggunakan peruntukan yang ada setakat mana, tetapi cuma tidak *diitemize* Yang Berhormat dalam kertas peruntukan yang dibentangkan di sini.

Dari segi apa yang telah dibuat untuk peruntukan itu dari segi inovasi pendidikan ia dilihat daripada 2 sudut:

- i. Dari segi tadbir urus pendidikan yang meliputi penyediaan

dan penambakan, fasiliti, kemudahan, peralatan yang menjurus kepada pentadbiran dan pendidikan yang berkesan.; dan

- ii. Pemasangan infrastruktur internet sekolah, pembinaan dan keperluan bagi murid-murid berkeperluan khas, umpamanya tandas mereka itu berbeza, maka digunakanlah peruntukan yang ada yang disebutkan 'promosi akal' untuk menyokong perbelanjaan tersebut.

Di samping itu, inovasi juga melibatkan dari segi pengajaran dan pembelajaran dan ini meliputi penyediaan akaun e-mel bagi setiap pelajar dan guru-guru secara keseluruhannya di sekolah agama dan sekolah Arab bagi memudahkan mereka menggunakan aplikasi dalam *Office 365* iaitu penyediaan kemudahan menggunakan aplikasi dalam *Office 365*, ini merupakan bahan bantu bagi pelajar seperti untuk dikir, bacaan Al-Quran secara tartil dalam *MP3*. Ia dibangunkan oleh Bahagian Teknologi kementerian, penggunaanya ialah Jabatan Pengajian Islam.

Di samping peruntukan yang ada, peruntukan kerajaan dalam situasi *COVID-19* tahun lepas ada keperluan bagi kementerian untuk membekalkan *laptop* kepada pelajar-pelajar di Sekolah Arab dan Tahfiz. Mereka memerlukan kerana pada masa itu, pembelajaran dilakukan secara talian dan tidak

semua pelajar-pelajar mempunyai *laptop* untuk mengikutinya dengan baik. Maka dalam hal ini, kementerian terfikir peruntukan yang sedia ada agak terhad untuk keperluan yang lain yang lebih utama. Kementerian terfikir untuk memohon kepada Majlis Ugama Islam Brunei dan **مَجْلِسُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Majlis Ugama Islam Brunei melalui peruntukannya, bukan peruntukan zakat, jangan salah faham, bukan peruntukan zakat yang ada tetapi peruntukan pentadbiran am, wang yang terkumpul yang termasuk daripada hasil Mahkamah Syariah dan sebagainya. Dari wang yang terkumpul itu, sebahagiannya itu dipohonkan untuk membiayai pembelian sebanyak 216 unit komputer riba (*laptop*), 338 capaian internet. Dengan peruntukan yang dipohonkan bagi maksud ini melalui Majlis Ugama Islam Brunei dan Majlis Ugama Islam Brunei telah meluluskannya sebanyak \$179,040.00.

مَجْلِسُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Yang Berhormat, ini ada lagi satu cara bagaimana perkhidmatan agama boleh menyokong fiskal kerajaan dalam hal sedemikian. Itu yang dapat kaola jelaskan bagi menjawab Yang Berhormat.;

2. Sementara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang memang mempunyai *interest* dan keseluruhan soalan-soalan Yang Berhormat semalam ialah

mengenai pendidikan khas. Kaola cuma akan mengambil satu aspek daripada pertanyaan Yang Berhormat itu ialah sejauh mana kementerian menyediakan guru-guru untuk pendidikan khas ini?

Selain mengikuti latihan-latihan kursus yang diaturkan bersama dengan Kementerian Pendidikan, abiskaola juga melalui jajaran kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri iaitu Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mengadakan kursus peringkat ijazah iaitu Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, *minomya* ialah Pendidikan Khas. Setakat ini, pada tahun lepas ada beberapa orang mahasiswa yang sudah lulus dari kursus ini dan pada masa ini seperti biasa tidak terus-menerus secara langsung mereka akan diserapkan ke dalam perjawatan-perjawatan yang ada dan tergantunglah pada kekosongan jawatan-jawatan. Tapi keperluan ada dan keperluan itu sudah dicari ikhtiar bagaimana mengisinya oleh kementerian sendiri. Ertinya kitanilah berikhtiar sama-sama dan dari semasa ke semasa tentulah hal ini akan kitani lihat.

Demikian yang dapat kaola nyatakan dan kaola mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Dan kita mulakan sekarang, mulakan balik bahawa kita telah mendengar beberapa

soalan dan penerangan dari sejak semalam. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, kaola bercakap di bawah Tajuk SJ01A Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kaola menyentuh berkenaan dengan tanah-tanah perkuburan Islam di Negara Brunei Darussalam sepertimana yang telah kitani ketahui, ada antaranya:

1. Dalam keadaan yang sudah penuh, padat dan tidak tersusun.;
2. Ada juga dalam keadaan yang bersih dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas.;
3. Ada juga yang terpinggir dan tidak digunakan oleh penduduk setempat.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin bertanya. Apakah Kementerian Hal Ehwal Ugama memerlukan jabatan atau jawatan yang berkenaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan garis panduan tanah perkuburan Islam Negara Brunei Darussalam sebagai panduan bagi memastikan penggunaan tanah-tanah perkuburan Islam dapat digunakan dengan lebih teratur selamat dan bersih berdasarkan cara Islam.

Kaola juga ingin mencadangkan agar kaedah menswastakan atau diswastakan dilaksanakan melalui pendekatan yang

sesuai agar tanah-tanah perkuburan Islam dapat diurus dengan lebih baik dan selamat. Misalnya:

1. Pemeliharaan kawasan.;
2. Memastikan pengawalan dan keselamatan tanah-tanah perkuburan.;
3. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang sesuai kepada orang ramai.

Dengan kaedah ini kaola percaya بِإِذْنِ اللَّهِ boleh menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada orang masyarakat setempat.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat, suatu pemikiran yang bagus iaitu berhubung dengan Yang Berhormat bukan bertanya tapi sebenarnya menyarankan supaya kementerian mempunyai garis panduan dalam pengurusan tanah-tanah perkuburan Islam supaya ia mencapai pemeliharaannya terjaga dan keadaannya tidak terbiar dan sebagainya. Semua itu memanglah suatu yang wajar Yang Berhormat Pengerusi.

Sejauh ini, kementerian tidak mempunyai garis panduan sedemikian, beberapa tahun dahulu memang ada inisiatif kementerian untuk menyusun tanah-tanah perkuburan khususnya

tanah-tanah perkuburan yang baharu. Misalnya, perkuburan yang liang lahadinya ditentukan mengikut siapa yang datang mengikut giliran-giliran. Tidak seperti yang *conventional* yang lazimnya apabila jenazah dikebumikan pihak keluarga memilih di mana tempatnya.

Tapi, inisiatif sedemikian tidak *popular* dalam kalangan orang ramai kitani. Hal itu tertinggal begitu sahaja. Bagaimanapun, garis panduan untuk pemeliharaan dan sebagainya itu sekalipun tidak ada. Kaola dapat menjamin Yang Berhormat Pengerusi, bahawa sekalipun tidak ada garis panduan tetapi kerja-kerja untuk memelihara perkuburan memang ada diadakan. Misalnya Yang Berhormat tadi menyarankan supaya menswastakannya. Penswastaan perkuburan ini yang kaola cuma mahu hadamkan dalam pemikiran kaola apa bentuknya. Di mana faedah-faedah yang akan didapati oleh syarikat yang mengambil penswastaan itu dan akan mengecaj semula kepada kerajaankah atau akan mengecaj kepada pengguna-pengguna di perkuburan itu? Penswastaan yang tergambar kepada kaola.

Tetapi, bagaimana Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mempunyai hanya seramai 41 orang buruh perkuburan bagi seluruh negeri untuk melihat perkuburan seluruh negeri, perkuburan tanah Islam ada sebanyak 241 seluruh negeri. Daripada 241 ini 167 sahaja yang aktif dan yang selebihnya 104 *non-active*. *Non-active* inilah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi tidak

terpelihara, usang dengan keadaanya. Memandangkan kepada banyaknya tanah perkuburan yang mahu dijaga dengan tenaga yang cuma ada seramai yang kaola sebutkan tadi (seramai 41) orang itu di seluruh negeri. Maka tanpa ada garis panduan tertentu, ikhtiar kementerian dalam perancangannya dan pelaksanaannya ialah bukan menswastakannya. Meng*outsource* tugas-tugas yang tidak dapat dipikul oleh buruh-buruh kubur dari kementerian yang hanya seramai 41 orang itu dengan cara mengadakan *term* kontrak kepada syarikat-syarikat untuk melakukannya.

Ada *term contract* bersifat harian untuk beberapa kubur tertentu, ada yang bersifat mingguan. Ada *term* kontrak hanya untuk setakat membuang sampah ertinya membersihkan daripada sampah dan ini harian Yang Berhormat Pengerusi. *Term* kontrak ini diberikan kepada syarikat tempatan. Kementerian sebagaimana juga kementerian-kementerian lain dalam kerajaan Yang Berhormat Pengerusi memegang dasar ertinya kitani mengadakan peluang-peluang sedemikian ini:

1. Untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan.; dan
2. Pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Dalam syarat untuk syarikat itu mendapat *term* kontrak ini ialah untuk mereka mengambil anak tempatan berkerja sekurang-kurangnya misalnya 80-90% daripadanya. Itu 'diakun' Yang Berhormat Pengerusi, 'diakun' oleh syarikat berkenaan dalam

tender, sebut harga dan sebagainya.

Tetapi pada kenyataannya bukanlah orang-orang tempatan kitani. Inilah jadi permasalahan jua. Tujuan untuk pembersihan kubur, penjagaan kubur termasuklah kubur-kubur yang *non* aktif tadi pun dijaga jua kira-kira dapat digunakan semula kerana pada masa ini tanah-tanah perkuburan yang sedia ada sebahagiannya ada sudah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi penuh dan padat tidak lagi dapat diisikan. Kubur-kubur lama yang masih boleh mengisikan, terus juga dipelihara oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi penggunaan orang ramai digalakkan untuk kembali semula kepada perkuburan lama yang mereka selesa untuk menggunakannya bagi jenazah kaum keluarga masing-masing.

Atulah kalau di Daerah Tutong Yang Berhormat Pengerusi dari segi *term contract* di Daerah Tutong sahaja ada 7 buah perkuburan yang secara *term contract* secara bulanan bukan secara harian. Di Daerah Brunei Muara ada 2 perkuburan yang harian dan lagi ada perkuburan-perkuburan yang pembersihan sampah, pembuangan sampah, sampah dari kawasanya diaturkan secara *term contract* dan tanpa ada garis panduan tertentu, ini tidak bermakna kementerian mengabaikan pemeliharaan tanah-tanah perkuburan Islam. Demikian Yang Berhormat Pengerusi. **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang

Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menyentuh mengenai tabung dana bagi Pembinaan Masjid di Negara Brunei Darussalam.

Statistik jumlah kutipan Tabung Dana Pembinaan Masjid di Negara Brunei Darussalam dalam laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama menunjukkan setakat bulan Disember 2019 jumlah keseluruhan adalah sebanyak \$10.3 juta. **اللَّهُمَّ** kaola menyambut baik akan usaha pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama bahawa dana tersebut telah berjaya membina sebuah masjid baharu dan membaik pulih 4 buah masjid yang lain.

Soalan kaola, mohon pencerahan daripada Menteri Hal Ehwal Ugama untuk mengongsikan jumlah keseluruhan terkini dana tersebut dan apakah projek seterusnya yang akan dilaksanakan selanjutnya?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ini dan menyebut jumlah yang dapat

diperolehinya daripada laman sesawang kementerian.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat menziarahi atau melawat laman sesawang kementerian abiskaola, ini merupakan perkara yang baik Yang Berhormat Pengerusi.

Cuma angka yang didapatkan ialah angka yang diberikan dalam laman sesawang setakat Disember 2019 iaitu \$10.3 juta dan pertanyaan Yang Berhormat apakah jumlah yang terkini. Kalau jumlah terkini yang kaola dimaklumkan setiap bulan Yang Berhormat Pengerusi, bulan yang terakhir hampir maknanya Mac ini iaitu bulan lepas bulan Februari hampir mencapai \$15 juta. Sebenarnya penggunaan ini sudah ada perancangan dari tahun 2018 hingga 5 tahun ke hadapan iaitu sehingga tahun 2023 untuk menggunakan tabung dana ini bagi pembinaan 5 buah masjid dan dengan unjuran 5 tahun ke hadapan, maknanya pada tahun 2023 dapat membelanjai pembinaan 5 buah masjid dalam perkiraan, katalah dalam sebuah masjid itu dalam antara \$3.5 juta dan \$4.5 juta, jadi dianggarkan sedemikian rupa kerana kutipan bulanan **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** sangat menggalakkan termasuk dari kalangan penjawat awam dan juga kalangan beruniform, selain tabung yang ada di masjid-masjid iaitu sumbangan daripada orang ramai yang juga mungkin daripada kalangan penjawat awam kerana kita di Brunei kalau hendak bersedekah, kalau ke masjid membawa dalam poketnya seringgit dua Yang

Berhormat dan ada juga keluarga berpesan "jika kita ke masjid cuba bawakan sedekahku ini", isterinya berpesan supaya sedekah itu dimasukkan ke dalam tabung masjid.

Jadi itulah hasilnya kutipan-kutipan ini diperolehi Yang Berhormat Pengerusi, sangat menggalakkan, cuma perancangan 5 tahun ini sepatutnya bermula dari tahun 2018 dan abiskaola menganggarkan pada tahun 2019 sudah ada peletakan batu asas dan pada tahun lepas ada peletakan batu asas tetapi kerana penyediaan yang selalu terbabit ini, sudah siap pelannya, *desigmya* lulus di peringkat kementerian dan peringkat Majlis Ugama Islam Brunei tetapi dalam peringkat bila sudah *award* kepadanya atau belum sampai *award* didapati penyiasatan lagi pada tapak yang memerlukan kerja-kerja yang lebih daripada peruntukan. Misalan tanah, tanahnya tidak seperti yang dijangkakan iaitu tanahnya yang memerlukan *piling* kerana keadaan tanah tidak mengizinkan dengan *design* yang asal dan hal itu terganggu.

Kedua, terganggu lagi dari segi penyediaan pelan-pelan dan sebagainya. Untuk makluman orang ramai walaupun tabung dana ini dalam kendalian Majlis Ugama Islam Brunei dengan sekretariatnya Jabatan Hal Ehwal Masjid tetapi pelaksanaan projek-projeknya di bawah satu Jawatankuasa di kementerian yang pelaksanaan teknikalnya adalah dilakukan secara kolaborasi dengan Kementerian Pembangunan. Kementerian Pembangunanlah dengan *teamnya*

tertentu yang dikhususkan bagi menangani perkara ini.

Abiskoala mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan kesefahaman selama ini mengendalikan bukan sebuah masjid namun sudah 2 buah. Sebuah masjid di Kampung Bukit Panggal dan sebuah masjid lagi di Kampung Tanjung Bunut. Jadi masjid-masjid yang lain dirancang di Kampung Junjungan, di Kampung Junjungan inilah tiba-tibanya tanahnya didapati tidak sesuai dan memerlukan peruntukan dan peruntukannya bertambah hampir sejuta daripada peruntukan asal tetapi tidak mengapa akan dilakukan juga.

Kami ada perancangan di Kampung Ulu Tutong dan selebihnya di Dearah Tutong jua, di Kampung Lamunin dan juga menaik taraf sebuah balai ibadat di Daerah Temburong untuk dijadikan masjid iaitu di kawasan orang-orang mualaf dan pemikiran juga sudah mula sekarang ini aktif semula mengenangkan Masjid Mohammad Salleh Pekan Bangar yang keadaannya memerlukan pembaikan dan sebagainya.

Rancangan pembaikan dan pem'bisai'annya sudah diputuskan dengan belanjanya yang telah dianggarkan oleh Kementerian Pembangunan dengan jumlah sekian-sekian dan peruntukannya sudah pun ada, untuk sementara ia dibangun semula dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** mungkin kalau ini tidak termasuk dalam rancangan 5 tahun, mungkin rancangan selanjutnya bahawa Masjid Mohammad Salleh Pekan Bangar akan dibangun semula dan

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pembangunan semula masjid tersebut akan menggunakan tabung dana masjid ini. Itu sahaja yang kaola dapat sediakan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya tentang:

1. Penggunaan surau bagi tujuan solat fardu Juma'at kerana masjid-masjid masih tidak dapat menampung jemaah yang ramai seperti kawasan Berakas dan Rimba sebagai contoh pada masa ini Surau Tentera Udara dan Surau Lapangan Terbang Antarabangsa dibukakan untuk sembahyang 5 waktu namun belum dibukakan bagi tujuan solat fardu Juma'at.

Soalan kaola, adakah sudah ada penelitian mengenai kesesuaian ia dibukakan bagi tujuan tersebut?;

2. Kaola mengambil maklum bahawa daging-daging yang diragui kehalalannya dirampas dan dihapuskan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal. Kaola ingin mencadangkan apakah kiranya proses penghapusan bagi daging yang diragui kehalalannya dapat disalurkan kepada badan-badan bukan kerajaan untuk diberikan kepada haiwan liar dengan kawalan

ketat dan pemantauan daripada unit berkenaan.; dan

3. Terakhir sekali, Kaola sebenarnya berhajat untuk membahaskan tentang pentadbiran urusan kewangan duit kutipan masjid tetapi sudah dijawab oleh Yang Berhormat Kementerian Hal Ehwal Ugama kelmarin. Kaola ingin menyokong dan membuat cadangan tambahan untuk latihan bersesuaian seperti penyediaan rekod penyata kira-kira dan kewangan khususnya kepada pentadbir masjid dan penggunaannya adalah *transparent*.

Terima kasih Yang Berhormat Pegerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat dan Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai penggunaan surau untuk sembahyang Jumaat, memanglah dari segi hukum tidak ada. Tetapi kalau ada keperluan yang dikatakan Yang Berhormat tadi, surau-sarau itu untuk dinaik taraf kepada masjid bagi membolehkannya digunakan untuk sembahyang Jumaat bagi menampung setengah-setengah masjid yang tidak dapat mencukupi, baik pada masa sekarang yang kitani dimestikan ada penjarakan dan sebagainya dan kapasiti yang tidak dapat orang datang sepenuhnya.

Tapi dapatlah pada masa sekarang ini, terpaksa mendirikan khemah-khemah khas tertentu. Musim bulan Ramadan

sudah hampir, kesesakan masjid pada waktu Jumaat akan terjadi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Jabatan Hal Ehwal Masjid akan bersedia untuk menampung jemaah yang bertambah di masjid-masjid. Jadi, bagaimana untuk menaik taraf surau untuk menjadi masjid. Hal ini memanglah melalui proses-proses iaitu:

1. Memohon. Permohonan akan dipertimbangkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei dengan melihat kepada benar-benar keperluannya. Bukan keperluan sahaja, tapi keperluan persekitarannya, benarkah kawasan tersebut tidak ada masjid atau ada masjid tetapi tidak mencukupi untuk menampung penduduk-penduduk berjemaah. Benar, penduduk Kampung Rimba memerlukan masjid. Tapi, penduduk Kampung Rimba boleh juga ke Masjid Universiti Brunei Darussalam, Masjid STRKJ, Jalan Berakas dan sebagainya. Begitulah pertimbangan seterusnya. Kemudian ada pertimbangan lagi daripada pihak yang berkenaan yang 'empunya' masjid. Misalnya, pertimbangan daripada pihak Kementerian Pertahanan mengenai Surau Angkatan Udara. Jadi, adakah tidak menjejaskan perkiraan-perkiraan atau perhitungan-perhitungan dari segi keselamatan dan sebagainya dan mesti diambil kira juga.

Pendek kata, kaola dapat menyatakan perkara ini boleh difikirkan dan bolehlah secara aktif

pihak-pihak yang berkenaan mengemukakannya kepada Jabatan Hal Ehwal Masjid yang akan membawanya kepada Majlis Ugama Islam Brunei bagi pertimbangan. Suatu perkara yang sangat bagus.;

2. Sebagaimana yang Berhormat tadi sebutkan, kaola menyentuh juga mengenai keperluan imam-imam mempunyai pengalaman dari segi kewangan dan kerana itu perlu kepada kursus. Untuk makluman, sebagai tambahan kepada maklumat yang kaola berikan semalam ialah kursus kewangan ertinya kursus macam mana mengatur kewangan masjid dilakukan secara bermusim oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bahagian Audit Dalaman yang memberikan kursus. Jadi, mudah-mudahan itu menjadi sebahagian untuk memperbaiki pengurusan kewangan masjid. Di samping itu, yang kaola sebutkan semalam, keperluannya untuk meninjau semula panduan kerja masjid tahun 1996 atau 1997 yang dibangkitkan oleh yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Apong semalam.;
3. Mengenai daging yang diragui kehalalannya, dipisahkan daripada tempat penjualannya atau sebahagiannya kalau yang didapati hasil daripada operasi pemeriksaan dan hal yang sedemikian itu, didapati sebagai benda yang boleh

dirampas. Ia disimpan, dibawa oleh pihak penguat kuasa yang berkenaan dan *storagenya ada* di Bandar Seri Begawan, disimpan sehingga perkara itu akan menjadi bahan bukti bagi perbicaraan di mahkamah. Jadi, tidak terus-terus dirampas, dibawa ke tempat *storage* yang dipunyai oleh pihak penguasa lalu dicari melalui badan-badan yang *non-government, non-profitable* dan sebagainya yang memelihara haiwan-haiwan yang perlu juga pembekalan dan pemakanan seperti daging ini. Tidak semudah itu Yang Berhormat dan ia ada prosesnya. Bahan-bahan itu tidak terus-terus dirampas dan dapat dibahagikan. Ia akan menjadi bahan yang mesti dibawa sebagai bahan bukti dalam perbicaraan dan kes tersebut.

Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola sukacita juga akan mengambil kesempatan dalam seminit dua untuk mohon kepastian di bawah Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Yang Berhormat Pengerusi, sebagaimana mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semalam, hamba telah meneliti laporan

penuh mengenai mukadimah yang disampaikan yang menyentuh mengenai Anggaran Perbelanjaan 2021/2022 iaitu di bawah Kod Akaun 1116 - Hal Ehwal Ugama mengenai pelulusan masjid baharu RPN, sebanyak 6 buah RPN di sini dalam senarai ini antaranya, terkandunglah masjid baharu RPN Kampung Lumut. Sudah diluluskan perbelanjaannya dalam Tahun Kewangan 2020/2021 dan juga dalam Anggaran Tahun Kewangan 2021/2022 dan harga perancangan sebanyak \$5 juta. Jadi, nampaknya dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tidak ada menyebut RPN Lumut dalam rancangan kemajuan ini.

Kaola sukacita dengan hormat memohon kepastian bagi rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini iaitu bagi pembinaan masjid baharu RPN Kampung Lumut dalam rancangan pembinaan yang selari dengan masjid baharu RKN yang disebutkan, supaya penduduk di RPN Kampung Lumut itu dapat kepastian dan juga tidak waham mengenai pembinaan masjid itu. Jadi, dengan penuh hormat hamba mohon pencerahan juga Yang Berhormat Pengerusi. Sekian.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat dan Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat memohon pencerahan mengenai kedudukan masjid RPN Kampung Lumut yang disebutkan dalam peruntukan dalam perancangan RKN ada. Tapi untuk dicerahkan apa yang kaola sebut dalam mukadimah itu, ialah projek-

projek pembinaan masjid yang diaturkan dalam rancangan-rancangan Kemajuan Negara yang dilihat dalam keadaan suasana *COVID-19*, ertinya dalam suasana *COVID-19* tidak melengahkan Kementerian Hal Ehwal Ugama dari melihat projek-projek yang akan dilaksanakan. Projek itu ada dengan peruntukannya untuk RPN Kg Lumut tetapi tidaklah disebut dalam mukadimah kaola itu kerana ia tidak termasuk, dalam erti kata ada sudah pelannya disiapkan dengan tanahnya dan termasuk dalam perancangan yang ada dalam peruntukan yang diberikan dan bagi maksud-maksud itu pihak Bahagian Teknikal kementerian bersama dengan Kementerian Pembangunan merancang untuk pelaksanaannya, tetapi tidak disebut secara butiran, tidak bermakna peruntukan itu tidak digunakan atau rancangan itu tidak dijadikan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ rancangan itu akan dijadikan apabila masjid-masjid yang disebutkan yang sudah ada dalam tender dan *design* dan sudah dilaksanakan. Maka kitani akan beralih kepada masjid-masjid bukan sahaja dalam RKN tetapi masjid-masjid di bawah projek Tabung Dana Pembinaan Masjid sebagaimana yang kaola katakan tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ فِي هَذِهِ الْأَمْرِ Terima kasih, Yang Berhormat. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ فِي هَذِهِ الْأَمْرِ kita telah pun berbincang dengan panjang lebar di bawah Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama dan masanya sudah tiba, saya kira bagi kita untuk mengundi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju supaya Tajuk SJ01A - Kementerian Hal

Ehwal Ugama diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SJ01A, dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang berpindah ke Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A – Kementerian Pembangunan. Sebelum tajuk ini dibukakan untuk dibahaskan, saya ingin memberikan ruang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan mukadimah belanjawan dan hala tuju penyediaan belanjawan kementeriannya. Saya persilakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ
وَالْمُرْسَلِیْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ

اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang bagi kaola menyampaikan mukadimah di Dewan yang mulia ini untuk mengongsikan fokus-fokus utama Kementerian Pembangunan dalam pembentangan

Anggaran Belanjawan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 dan juga beberapa program dan inisiatif kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menyediakan peruntukan sejumlah \$433,581,855.00 bagi Kementerian Pembangunan seperti berikut:

1. Sejumlah \$94,355,980.00 untuk Gaji Kakitangan.;
2. Sejumlah \$127,769,720.00 untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang.; dan
3. Manakala sejumlah \$211,456,155.00 diperuntukkan dalam Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, untuk meneruskan pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang sedang dan akan dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan.

Dalam mendukung usaha memperkukuhkan kedudukan kewangan kerajaan, kaola ingin menekankan komitmen Kementerian Pembangunan ini iaitu melalui pengurusan kutipan hasil dan perbelanjaan berhema (*prudence spending*) dan *'value for money'*, sehingga bulan Februari 2021, sejumlah \$91.6 juta iaitu 87% daripada anggaran hasil keseluruhan berjumlah \$105.4 juta telah dapat dikutip. Usaha-usaha yang telah dibuat setakat ini bagi

meningkatkan kutipan hasil yang cekap, nampaknya telah berhasil melalui *streamlining process* dan dengan adanya kemudahan-kemudahan teknologi dan sistem pembayaran secara *online*.

Dalam menangani impak dari keadaan ketidakpastian yang dipengaruhi oleh perubahan iklim, perubahan trend sosioekonomi akibat dari penularan pandemik *COVID-19*, Kementerian Pembangunan tetap komited meneruskan perancangan untuk meningkatkan lagi prasarana infra pembangunan bagi memangkinkan pertumbuhan sosioekonomi negara, dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara ini.

Di samping itu, usaha-usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan polisi dan proses-proses berkaitan dengan perkhidmatan kepada orang ramai, akan diteruskan seperti yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan serta Rangka Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ pelbagai pencapaian telah dicapai sejak tahun 2020 dan awal tahun 2021 khususnya dari segi infrastruktur. Antara lain seperti berikut:

1. Bagi mendukung inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan antara persiapan projek-projek termasuklah projek Fasa 1 Penyediaan Infrastruktur bagi Projek Penanaman Padi secara Komersial Kawasan Kandol Daerah Belait seluas 30 ekar dan Fasa 2 dijangka akan bermula pada tahun ini.;
2. Penyiapan penyediaan perumahan dari segi penambahbaikan yang akan diperuntukan kepada pemohon Skim Perumahan Negara pada tahun ini termasuklah 10 unit rumah teres RPN Kg Rimba, 20 unit rumah teres di Kg Bukit Beruang dan 300 unit di Kg Lambak Kanan.;
3. Penyiapan Loji Rawatan Air peringkat 4 dan 5, purata meningkatkan pengeluaran air bersih, sekitar 12% ke 18% peningkatannya iaitu 33-38 juta liter sehari.;
4. Dalam menangani masalah banjir yang dipengaruhi oleh perubahan iklim, اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ dengan progres projek saliran, pembentungan dan perlindungan persisiran pantai di beberapa tempat yang strategik, kawasan banjir telah dapat dikurangkan sebanyak 47%, peningkatan sistem pembentungan daripada 92% ke 94% dan peningkatan perlindungan pesisiran pantai ke 43% bagi menangani *sea level rise*.;
5. Peningkatan konektiviti serta penambahbaikan kualiti jalan juga telah tidak ketinggalan dengan penyiapan beberapa projek-projek jalan seperti isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang lepas dan beberapa sesi per muzakarah. Antaranya termasuklah peningkatan Jalan Serasa, Jalan Kota Batu, Lebu

Raya Muara-Tutong berdekatan dengan Kawasan Lugu, Mengkubau *Interchange* yang telah dinikmati oleh pihak awam. Begitu juga, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dengan penyiapan dan penggunaan Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien yang menyambung konektiviti antara dua daerah, Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong yang telah dimanfaatkan oleh penduduk negara ini terutama sekali dalam keadaan pandemik *COVID-19*.

FOKUS UTAMA KEMENTERIAN.

Dalam mendukung tema belanjawan bagi Tahun Kewangan 2021/2022, yang memfokuskan antara lain kepada penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang mampan (*sustainable*) dan berdaya tahan (*resilience*) untuk kesejahteraan awam dan perkembangan ekonomi, Kementerian Pembangunan pada tahun ini akan memfokuskan ke arah usaha-usaha seperti berikut:

1. Bagi menjamin kesediaan dalam menangani cabaran sekuriti bekalan air dan isu kualiti air.;
2. Penyediaan perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN).;
3. Membukakan tanah-tanah kerajaan yang telah dikenal pasti bagi mendukung aktiviti-aktiviti ke arah pertumbuhan ekonomi.;

4. Pembangunan infra yang resilien bagi mitigasi bencana alam dan perubahan iklim.;
5. Membantu dan mempercepatkan pembangunan yang telah dirancang seperti pembangunan sekolah-sekolah, pengajian-pengajian tinggi serta masjid-masjid dan bangunan-bangunan kerajaan termasuklah penyediaan infra bagi kawasan-kawasan pertanian.

Semua ini selaras dengan tujuan pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

- i. Sekuriti Bekalan Air dan Strategik Pengurusan.

Dalam peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022, sejumlah \$24.8 juta telah diperuntukkan bagi pengurusan bekalan air di bawah Tajuk Perbelanjaan Berulang-Ulang khusus untuk kerja-kerja pemeliharaan aset-aset air dan sebanyak \$58 juta di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi melaksanakan 8 buah projek yang semua ini bagi memastikan bekalan air yang berterusan dan menjamin sekuriti bekalan air negara untuk kepentingan semua rakyat dan penduduk negara ini.

Perkara ini sememangnya memerlukan pelaburan kewangan yang tinggi, usaha ini juga memerlukan kerjasama orang ramai dalam budaya penggunaan air secara bijak. Kita perlu meningkatkan dan

memperbaiki cara pengurusan bekalan air di rumah, pejabat dan juga dalam sistem bekalan air kita. Semua pendekatan ini adalah penting bagi mengurangkan pembaziran dan memastikan bekalan air kita terjamin pada masa akan datang.

Secara purata kadar penggunaan air bersih domestik bagi negara kita berjumlah 380 liter per kapita sehari iaitu 380 *liters per person per day*, iaitu penurunan sejumlah 40 liter per kapita sehari daripada tahun 2018. Ini adalah hasil dari beberapa program kesedaran awam yang giat dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kempen-kempen akan terus dijalankan untuk mengurangkan kadar penggunaan air bersih domestik meningkat ke tahap yang lebih mampan, memandangkan kadar penggunaan air bersih ini masih tinggi iaitu lebih kurang 2 kali ganda berbanding dengan negara jiran seperti Singapura dan Malaysia.

Beberapa usaha bagi mencapai sistem bekalan air yang *resilient* melalui pelaksanaan projek-projek seperti berikut:

- a) Peningkatan keupayaan rawatan bagi penghasilan air bersih dengan pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Barun peringkat kelapan dengan kapasiti 120 juta liter sehari, penaiktarafan Loji Rawatan Air Agis-Agis di Kuala Belait dengan kapasiti 36 juta sehari dan penaiktarafan Loji Rawatan Air Bukit Barun Fasa 4 dan 5 yang

dapat meningkatkan efisensi pemprosesan air sehingga purata 12% ke 18% 33-38 juta liter sehari).;

- b) Meningkatkan *storage capacity* melalui pembinaan tangki-tangki air tambahan di beberapa kawasan.; dan
- c) Penggantian paip-paip air utama dan pembahagiannya (*distribution*) serta mengganti dan menaik taraf pam-pam di seluruh negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Akhir-akhir ini masalah air kekuningan sering berlaku di beberapa kawasan. Salah satu sebab ialah kandungan organik yang sangat tinggi terutama sekali pada musim hujan di sebelah ulu yang menyebabkan warna air mentah menjadi keruh. Selain dari tumpuan kepada rawatan air dengan dos bahan-bahan kimia yang bersesuaian dan selamat, beberapa usaha lain seperti pembersihan *reservoir* dan perbaikan proses bagi kerja-kerja perbaikan dan penggantian paip-paip air juga sedang dilaksanakan. Pihak orang ramai juga boleh membantu dalam mengurangkan masalah air kekuningan dengan membersihkan tangki-tangki air di rumah masing-masing dari semasa ke semasa.

Beberapa tindakan lain ke arah sekuriti bekalan air secara jangka panjang termasuklah:

- a) Penggunaan *smart meter* yang telah bermula secara *pilot* dan *live testing* sejak tahun lepas dan pemasangan meter-meter tersebut di jangka akan bermula pada tahun ini secara berfasa. Projek ini dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Air, Kementerian Pembangunan bersama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan *DST Network* anak syarikat *Darussalam Asset* secara kaedah *PPP*;
- b) Dengan pelaksanaan projek ini dan juga pelaksanaan tarif air yang baharu, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* masalah tunggakan pembayaran air dan peralihan budaya kepada pemakaian air secara bijak, berhemah dan mengelakkan pembaziran akan dapat ditangani.;
- c) Melaksanakan kajian *water supply system* dan *demand study* iaitu secara kajian holistik keperluan air secara jangka panjang, strategi pembekalan air serta cadangan bagi pengurusan yang lebih cekap dan kos efektif pada masa akan datang.; dan
- d) Melaksanakan kajian *non revenue water (NRW)* untuk mendapatkan data bagi mengenal pasti punca-punca *NRW* yang sedang berjalan pada masa ini bertujuan untuk perancangan bagi pengurangan *NRW*.

ii. Penyediaan Perumahan Dalam RPN.

Dalam mencapai sasaran wawasan Brunei 2035 bagi menyediakan 85% rumah kediaman untuk rakyat dan penduduk, usaha diteruskan dengan perancangan dan pelaksanaan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi pembinaan 1,750 buah rumah kediaman RPN di Kampung Lugu dan Kampung Tanah Jambu serta peruntukan bagi rumah pangsa sejumlah 300 unit di Kampung Lambak *H40* kepada pemohon yang berkelayakan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* sejumlah \$65 juta telah diperuntukkan bagi projek-projek ini di bawah Rancangan Kemajuan Negara bagi tahun 2021/2022 ini dan Kementerian Pembangunan juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui *P Cube Sendirian Berhad* dalam mencari kaedah yang bersesuaian bagi penyediaan perumahan melalui kaedah *PPP*.

Di samping itu, rumah-rumah yang rosak, kosong dan terbiar di RPN Kampung Rimba dan Kampung Bukit Beruang telah dan sedang diperbaiki untuk diperuntukkan kepada pemohon Skim Perumahan Negara seterusnya. Melalui *Housing Focus Group*, selain daripada Rancangan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan sedang membuat penyelarasan bagi penyejajaran bantuan-bantuan perumahan lain seperti Skim Bantuan Perumahan

bagi orang-orang daif di bawah Majlis Ugama Islam Brunei, bantuan perumahan di bawah JAPEM dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi memastikan bantuan perumahan yang inklusif dan bersesuaian bagi golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

iii. Meningkatkan Ekonomi Melalui Pembukaan Tanah Kerajaan Kepada Pelabur Dalam Dan Luar Negeri.

Bagi mendukung dan memangkin pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kadar pelaburan di negara ini, Kementerian Pembangunan melalui perancangan guna tanah telah mengenal pasti beberapa kawasan yang bersesuaian. Salah satu inisiatif yang sedang diteliti ialah *Government Land Less* iaitu *GLL* iaitu satu kaedah pelupusan tanah-tanah kerajaan secara pajakan. Kaedah ini melibatkan proses tawaran secara terbuka bagi tanah-tanah yang telah dikenal pasti dan satu *task force* telah dicadangkan untuk ditubuhkan untuk meneliti perkara ini yang melibatkan agensi-agensi yang relevan bagi meneliti proses penilaian, pelupusan tanah (*mechanism of land release*) yang melibatkan tanah-tanah kerajaan yang telus yang dapat menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Perancangan guna tanah yang baik dan teratur, secara tidak langsung dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang dapat mengubah gaya hidup

masyarakat kita demi meningkatkan taraf kehidupan yang lebih terjamin demi masa depan bangsa dan negara.

Ini diikuti dengan pengemaskinian polisi dan peraturan perancangan dan guna tanah bagi mendukung persekitaran perniagaan yang kondusif dan membina melalui Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan.

iv. Perubahan Iklim.

Selaku Pengerusi Bersama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama ahli-ahli majlis akan terus memainkan peranan dalam merealisasikan strategi-strategi yang telah digariskan dalam Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (*Brunei Darussalam National Climate Change Policy – BNCCP*) bagi membentuk peralihan ke arah masyarakat yang rendah karbon (*low carbon society*) dan *resilient* bagi mencapai komitmen *Nationally determined contributions (NDC)* negara di bawah Perjanjian Paris iaitu untuk mengurangkan sebanyak 20% pelepasan gas rumah hijau negara menjelang 2030.

Tahun ini merupakan tahun bagi Tindakan Iklim atau *Year Of Climate Action* untuk mengadakan

pelaksanaan *BNCCP*. Protokol hijau iaitu garis panduan bagi sektor kerajaan untuk melaksanakan *BNCCP* yang telah dilancarkan pada 31 Januari 2021, ini sebagai satu usaha membukakan peluang amalan hijau dalam operasi harian seperti penggunaan tenaga, penggunaan bekalan air, pengurusan sampah dan penggunaan kertas. Ini termasuk komitmen semua kementerian untuk aktiviti menanam sejumlah 26 ribu pokok sepanjang tahun 2021 dan sasaran kita sebanyak 500 ribu pokok menjelang 2035.

Usaha ini juga didukung dengan penambahan garis panduan bagi mengalakkan penggantian setiap pokok yang ditebang terutama sekali dalam pelaksanaan projek-projek yang berskala besar.

Usaha-usaha tindakan iklim yang sedang dilaksanakan ini mencerminkan kesungguhan negara serta simbol kepimpinan negara kita dalam menangani isu perubahan iklim di rantau ini selari dengan tema mesyuarat *ASEAN* tahun ini: '*We Care, We Prepare, We Prosper*'. Ada pun isu perubahan iklim ini satu isu global yang memerlukan pendekatan secara keseluruhan di peringkat senegara serantau dan juga global.

Negara kita tidak terlepas daripada mengalami kesan-kesan akibat perubahan iklim. Kementerian Pembangunan akan mengukuhkan strategi dalam menangani isu-isu perubahan iklim melalui urus tadbir

yang telah ditubuhkan secara meningkatkan keupayaan untuk beradaptasi dan berdaya tahan iklim. Dengan melaksanakan penilaian-penilaian impak-impak dan risiko-risiko perubahan iklim (*climate impact assessment*) seperti membuat pemantauan dan penilaian ke atas kesan-kesan kenaikan paras laut dan pertukaran dalam ramalan iklim. Dengan kajian ini dapat membantu Jabatan Kerja Raya menangani kedua-dua perubahan ini dan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap reka bentuk sistem saliran dalam projek-projek mitigasi dan bencana alam.

v. Pelaksanaan Projek-Projek.

Kementerian Pembangunan telah dipertanggungjawabkan bagi memastikan pelaksanaan projek yang pesat dan bangunan-bangunan, sekolah-sekolah, masjid-masjid di bawah kementerian lain akan memperkukuhkan pengurusan dan pengawalseliaan projek-projek dengan melaksanakan projek audit dalaman pada setiap pelaksanaan projek supaya ia dapat menepati spesifikasi dan siap pada masa yang ditetapkan. Pihak kementerian juga memberi keutamaan kepada *Local Business Development* bagi memberi peluang kepada anak-anak tempatan dan produk-produk tempatan bagi meningkatkan lagi industri pembinaan di negara ini.

INISIATIF-INISIATIF

Seterusnya, kaola ingin mengongsikan beberapa inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan pada tahun ini seperti berikut:

1. **Dukungan *Ease Of Doing Business***

Bagi merealisasikan dan mendukung *Ease Of Doing Business* untuk menggalakkan pelaburan di negara ini, Kementerian Pembangunan turut menunduki dan meneliti semua akta, polisi, garis panduan dan peraturan serta proses-proses secara bersepadu dengan pihak-pihak yang berkenaan terutama sekali yang berkaitan dengan hal perancangan dan penggunaan guna tanah termasuklah juga polisi dan peraturan strata tanah bagi memudahkan dan mempercepatkan proses pelaburan dan pembangunan tanah.;

2. **Model Digital Paradigm**

Bagi merealisasikan dan mendukung hasrat kerajaan ke arah digital ekonomi dan *smart nation* Kementerian Pembangunan telah menyediakan satu rangka dasar iaitu *Model Digital Paradigm Framework 2020-2025* dengan melartakan penggunaan teknologi dalam aspek pentadbiran pengurusan projek-projek infrastruktur, pemantauan kumpulan data maklumat secara *interactive* termasuk pemeliharaan aset-aset dan penyediaan

perkhidmatan selaras dengan rangka dasar *MOD Policy Framework* dan *Strategic Planning 2018-2023*. Inisiatif ini juga secara langsung mendukung Jawatankuasa Pandu *Smart City* yang dipengerusikan bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*) dengan Kementerian Pembangunan dan berperanan bagi memastikan penyejajaran dalam pelaksanaan projek-projek *smart city* dengan *digital economy master plan 2025*.;

3. **Isu-Isu Kebersihan**

Dalam menjaga kebersihan Negara Brunei Darussalam baik di darat mahupun di perairan, Kementerian Pembangunan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan akan terus bekerjasama demi meningkatkan usaha-usaha melaksanakan beberapa kaedah pembersihan khususnya di perairan Sungai Brunei yang sehingga kini makin menjadi cabaran.

Dengan mengambil kira peningkatan perbelanjaan kerajaan pada tahun 2020 secara menyeluruh berjumlah lebih daripada \$8.4 juta dalam menangani dan mengurus isu sampah dan kebersihan, maka, kita tidak mempunyai pilihan tetapi untuk memperkukuhkan usaha strategic di bawah jawatankuasa ini bagi sama-sama menangani cabaran membasmi masalah pembuangan sampah sarap dan kebersihan secara kreatif dan *think outside the box* dari

aspek infrastruktur, penguatkuasaan dan meningkatkan kesedaran awam.

Seterusnya, langkah pelaksanaan penguatkuasaan dan perundangan serta usaha dalam mengubah minda kesedaran orang awam melalui promo-promo dan pemberitaan dalam menjaga alam sekitar dalam semua sektor perlu dikuatkuasakan dan dipertingkatkan. Kementerian Pembangunan juga dalam proses penelitan bagi mengenalkan *policy mandatory* untuk pengutipan sampah dari setiap *household* yang buat masa ini hanya 30% sahaja yang berlanggan. Langkah ini adalah selaras dengan strategi Kementerian Pembangunan untuk menukar konsep *landfill* kepada penggunaan konsep *incinerator* bagi jangka masa hadapan dalam pengurusan dan pelupusan sampah yang berdaya tahan di negara ini.; dan

4. Akta Undang-Undang dan Peraturan

Dalam hasrat untuk memberikan impak positif menjaga kepentingan orang ramai yang berhubung kait dengan sistem pentadbiran pembangunan dan tanah, beberapa penggubalann akta dan peraturan baharu telah dikemaskinikan antaranya:

- i. Peraturan baharu iaitu *Building Control Regulations 2020, (composition of offences)* di bawah Perintah Kawalan Bangunan (*Building Control*

Order) 2014 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020. Peraturan kompaun ini memberi kuasa kepada pihak *ABCi* untuk mengenakan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan di bawah *Building Control Regulations 2016, (Advertisement, Billboard and Signboard)*.

- ii. Manakala bagi perlindungan bagi kepentingan pihak-pihak tertentu ke atas bidang tanah dengan memasukkan atau untuk mendaftarkan kepentingan itu ke Daftar Tanah. Pelaksanaan *kaveat* telah dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2021. Dengan adanya *kaveat* ini tuan punya tanah tidak boleh memindah milik, menjual, menggadai atau memajak tanah tersebut atau apa jua urusan yang menjejaskan kepentingan pihak-pihak yang telah mendaftarkan *kaveat* tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

LOCAL BUSINESS DEVELOPMENT

Seterusnya, dalam usaha untuk memajukan perniagaan tempatan (*Local Business Development*) khususnya dalam industri pembinaan dan usaha untuk mengurangkan pengangguran di negara ini secara amnya dan khususnya kepada belia dan anak-anak tempatan, Kementerian Pembangunan telah menekankan kepada aspek utama

bagi kontraktor dan pembekal yang akan menjalankan projek-projek kerajaan iaitu:

- Penglibatan sepenuhnya anak-anak tempatan bagi memberi peluang-peluang kepada *local employment* dalam industri pembinaan.;
- Membantu *Manpower Planning And Employment Council (MPEC)* melalui *Manpower Steering Committee (MISC) in Constructions* bagi memastikan graduan tempatan memperoleh kemahiran dan kecekapan yang relevan dalam industri pembinaan untuk meningkatkan peluang pekerjaan.;
- Mengikut data dari *MPEC*, jumlah pekerja di sektor pembinaan melebihi 32 ribu dan dianggarkan lebih dari 83% adalah pekerja asing, menunjukkan bahawa peluang pekerjaan di sektor pembinaan adalah luas tetapi kebanyakan pekerjaan buruh atau *labour intensive jobs* sukar untuk dijalankan oleh pekerja tempatan.;
- Walau bagaimanapun, *MISC in Construction* telah membuat kajian dan mengenal pasti sebelas pekerjaan yang dapat dijalankan oleh pekerja tempatan dan latihan-latihan dan pendedahan yang diperlukan oleh industri.
- Melalui pelaksanaan *ARMECS Bridging Programme*, Fasa Pertama yang memberikan latihan dan pendedahan dalam industri

pembinaan sebagai *Registered Technical Officer, Constructions Supervisors* dan *Drafters* seramai 35 anak tempatan telah menjalani program pada masa ini.

- Manakala program Fasa Kedua *ARMECS Bridging Programme*, akan bermula pada bulan April 2021 ini akan memberi lagi latihan seramai lebih daripada 30 orang anak-anak tempatan.
- Selain itu, Kementerian Pembangunan juga melalui *MISC Construction* telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan '*industry players*' dalam mengenal pasti latihan-latihan bersesuaian bagi memastikan ianya adalah selaras dengan '*industry needs*'. Pihak *IBTE* juga telah mengenalkan satu program Latihan *HNTec in Construction and Draughting (Dual TVET)* bagi program pengambilan tahun ini untuk memastikan graduan ini nanti *job ready* untuk diambil bekerja.
- Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli-ahli *MISC Constructions* terutama sekali wakil-wakil dari industri termasuk juga Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty dan institusi pendidikan seperti Politeknik Brunei dan *IBTE* yang penuh dedikasi dalam menjalankan inisiatif demi untuk memberi peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan kitani.

- Antara inisiatif kementerian ini melalui *Local Business Circular* ialah:
- mengutamakan penggunaan produk-produk tempatan dalam projek-projek kerajaan khususnya dalam projek-projek perumahan. Sebagai misal bagi kontrak pembinaan perumahan di Lugu, semua pintu yang ada di setiap rumah akan dibuat oleh syarikat-syarikat tempatan.; dan
- meningkatkan prestasi dan *building capacity contractor* tempatan dalam industri pembinaan.

Bagi mencapai hasrat tersebut kementerian ini telah bekerjasama dengan pihak *Darussalam Enterprise (DARe)* dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei dalam mengenal pasti anak tempatan yang berminat dalam industri pembinaan dengan menjalankan kursus-kursus dan bimbingan khas untuk mengembangkan kemahiran anak tempatan terutama sekali generasi muda dalam industri pembinaan.

PENGURUSAN BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan soal dan pandangan yang berkaitan dengan bangunan-bangunan kerajaan yang lama yang nampak kosong dan tidak lagi digunakan. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerajaan Raya telah membuat kajian-kajian dan

beberapa pendapatan awal seperti berikut:

- i. Terdapat lebih daripada 5580 buah bangunan kerajaan yang didaftarkan di Jabatan Kerja Raya.;
- ii. Sejumlah 3,270 buah ataupun 58.59% telah dibina lebih daripada 30 tahun yang lalu.;
- iii. Kebanyakan bangunan-bangunan yang terbiar terdiri daripada berek-berek dan flat yang memerlukan pembaikan.; dan
- iv. Kebanyakan bangunan ini terletak di kawasan *prime area* yang berpotensi untuk dimajukan semula.

Pada bulan September 2020 yang lalu, kementerian ini telah pun berbincang dengan semua kementerian untuk memaklumkan perancangan mengenai bangunan-bangunan yang masih lagi diperlukan atau sebaliknya di bawah pengawalseliaan kementerian masing-masing. Pada tahun ini, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan akan membuat penilaian sama ada bangunan-bangunan kosong atau terbiar itu akan:

- i. Diperbaiki dan digunakan semula.; atau
- ii. Diberikan kepada agensi kerajaan yang lain yang memerlukan.; atau
- iii. Diberikan kepada *NGO* atau persatuan yang memerlukan.; atau

- iv. Dijual atau disewakan kepada pihak swasta dan pihak awam.; atau
- v. Untuk diroboh dan dimajukan semula.

Segala cadangan ini akan diteliti dengan lebih terperinci lagi kerana ia melibatkan bukan sahaja perubahan dasar dan peraturan-peraturan yang ada malahan juga penglibatan dari pelbagai pihak dan agensi kerajaan serta memulakan jumlah perbelanjaan yang tinggi. Apa-apa jua ketetapan ini nanti tertakluk kepada kesesuaian penggunaan bangunan tersebut dan tidak akan membebankan atau menimbulkan sesuatu masalah pada kemudian hari nanti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk akhirnya kesemua tumpuan utama dan inisiatif yang dikongsi di atas tadi dihasratkan untuk mencapai sasaran dan matlamat Wawasan Brunei 2035 dan mendukung pembangunan sosioekonomi di negara ini serta bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Sungguhpun demikian, Kementerian Pembangunan tidak lepas dari menghadapi cabaran-cabaran terkini bagi memenuhi jangkaan keperluan orang ramai yang semakin meningkat dan mendesak.

إِنْ شَاءَ اللهُ , Kementerian Pembangunan sentiasa bersedia memikul tanggungjawab dan amanah bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini terjamin dan berkualiti. Kita semua adalah

penyumbang kepada pembangunan fiskal negara dan marilah kita turut bekerjasama dan memperbaharui azam kita dengan keikhlasan untuk melaksanakan apa juga yang sudah dirancang supaya negara ini kekal menjadi negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى .

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang telah diberikan yang begitu jelas dan terperinci mengenai hala tuju bagi kementeriannya.

Saya mempunyai satu senarai yang agak panjang. Barangkali terpanjang sejauh ini dan untuk tidak membuang masa, maka saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya mengambil kesempatan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana mengongsi usaha-usaha dan pencapaian-pencapaian kementeriannya.

Saya ingin menyentuh mengenai pengurusan permohonan dan peruntukan perumahan. Pada akhir-akhir ini, terdapat permasalahan tentang penerima perumahan ini tidak dapat

melunaskan pembayaran rumah tersebut sebelum mereka bersara. Perkara ini terjadi sekiranya ibu bapa tersebut menerima kurnia rumah pada usia yang lanjut dan tidak sempat melunaskan hutang mereka.

Soalan saya ialah, berapa ramaikah pembayar ini dijangka tidak dapat habis membayar hutangnya kerana akan bersara sebelum habis membayar rumah dan akan mewariskannya kepada anak-anak mereka atau penjamin? Jika sekiranya ada, bagaimanakah cari kitani bagi mengelakkan daripada perkara ini terjadi terutama sekali bagi mengurangkan beban hutang menurun kepada pewaris atau penjamin.

Saya ingin mengongsikan beberapa cara bagi memudahkan juga pemohonan bagi memiliki rumah sendiri ini di Negara Brunei Darussalam, terutama sekali bagi mereka yang berusia muda. Cadangan pembaikan ini seperti:

1. Mendirikan rumah yang berkos rendah dengan harga yang berpatutan serta memudahkan peraturan permohonan rumah.;
2. Menyediakan skim perumahan premium bagi yang lebih mampu untuk menaikkan taraf sosioekonomi di kawasan tersebut.;
3. Perlu juga ada sukat-sukat bagi kawalan harga rumah-rumah yang dijual mengikut *market price* yang bersesuaian serta meneliti kadar *interest* pinjaman-pinjaman dari bank. Ini kerana *interest rate* pada masa ini adalah tidak konsisten dan mengikut

maklum balas daripada orang ramai, ia 4% hingga 5.5%. Walaupun AMBD ada menyatakan *Effective Interest Rate* atau *Annualise Profit Rate EIR* dan *APR* adalah 4.5%. Ini untuk memberi galakan orang ramai untuk membina rumah sendiri terutama yang berpendapatan sederhana atau apa yang dipanggil *progressive financing* iaitu memberikan kadar pinjaman yang berpatutan dengan pendapatan pembeli rumah tersebut.

Terima kasih yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat. Tapi sebelum itu, izinkan kaola menjawab satu soalan mengenai Yang Berhormat Awang Haji Abd Hamid bin Haji Momin, yang dibangkitkan semasa perbelanjaan Kementerian Tenaga pada 21 Mac 2021.

Jawapan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada 21 Mac mengenai penduduk-penduduk Kampung Sungai Liang yang terlibat dengan tambahan Industri *SPARK*. Projek Tapak Taman-Taman Industri Kampung Sungai Liang (*SPARK*) yang bertempat di Kampung Sungai Liang, Mukim Liang, Daerah Belait telah pun diluluskan pada bulan Februari 2015 untuk aktiviti-aktiviti *foreign direct investment* bagi jangka masa panjang Negara Brunei Darussalam secara amnya.

Jumlah asal tanah persendirian terlibat adalah sebanyak 139 lot tanah bergeran iaitu 39.7 hektar termasuk satu keping tanah lesen tumpang sementara LTS seluas 1.2 ekar. Tanah kerajaan yang

terlibat ialah sebanyak 52.7 ekar yang menjadikan jumlah keseluruhan bagi kawasan tapak *SPARK* iaitu sebanyak 144.8 ekar.

Bagi projek *SPARK* tersebut, penduduk-penduduk yang terlibat diberikan pampasan berupa gantian tanah dan ada yang memilih gantian wang. Bagi pihak yang diganti tanah, pihak kerajaan telah menyediakan tapak gantian tanah di Kampung Tunggulian bersama kos kerja-kerja tanah dan infrastruktur yang telah pun bermula pada 31 Oktober 2020 dan disasarkan disiapkan pada tahun ini.

Pada masa yang sama, penduduk-penduduk yang terlibat dalam gantian tanah untuk dibina rumah kediaman baharu atas tanah ini, telah pun dipindah di rumah sewa secara sementara sehingga kerja-kerja penyediaan tanah gantian yakni kerja menembok dan siap dan juga penyediaan rumah kediaman ke atas tanah oleh penduduk yang terlibat.

Setakat ini, semua pampasan wang dan pampasan kemajuan di atas tanah yang terlibat telah pun dibayar 100% kepada semua penduduk termasuklah penduduk yang mendiami di atas tanah *LTS*. Pihak Kementerian Pembangunan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi yang relevan bagi memastikan kesejahteraan penduduk-penduduk yang terlibat dalam projek ini.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai berapa peratus masih hutang ibu bapa dan berapa peratus pembayaran

dijangka tidak habis membayar hutang dan beberapa cadangan. Kaola ingin menjawab mengenai soalan ini, iaitu setakat ini Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan tidak mempunyai data dan maklumat mengenai jumlah peratus bagi mereka yang mewarisi hutang ibu bapa secara suspek ataupun secara amnya ahli waris yang lain.

Walau bagaimanapun, pada masa ini perkara ini belum menjadi satu masalah disebabkan lazimnya ahli waris hanya akan menerima rumah jika menyanggupi untuk menerimanya termasuk juga segala hutang ataupun tunggakan yang perlu dilunaskan.

Mengenai cadangan-cadangan yang dibuat terima kasih juga dengan **cadangan-cadangan tersebut** telah diberikan untuk memudahkan memiliki rumah tanpa bergantung pada Skim Perumahan Negara yang Kementerian Pembangunan juga sedang melaksanakan beberapa inisiatif untuk memudahkan permohonan dan memberikan keyakinan pembeli rumah di pasaran terbuka.

Antaranya seperti memudahkan proses-proses permohonan pembinaan rumah termasuklah permohonan kebenaran perancangan, kebenaran pembinaan *loan OP* proses dapat dibuat secara *online* dan TPOR yang sentiasa dipantau dan juga untuk mempertanggungjawabkan kepada *qualified person* ataupun *QP* untuk membuat permohonan dan mengesahkan kesiapan mengikut pelan

yang dibenarkan dengan erti kata pihak ABCi tidak lagi perlu membuat *inspection* selepas *QP* mengesahkan kesiapan dan juga Lembaga *Architects Professional Engineers* dan *Quantity Surveyors (APEQS)* akan mendaftar dan mengawal selia semua *QP* untuk memastikan semua perkhidmatan profesional dan juga lembaga *The Board of Valuers and Estate Agents* ataupun (*BoVEA*) yang telah ditubuhkan untuk mendaftar dan mengawal selia *estate agent* yang terlibat dalam transaksi harta tanah dan Lembaga Pemaju Perumahan ataupun (*BHD*) yang telah ditubuhkan untuk mendaftar dan mengawal selia kemajuan perumahan lebih dari 4 buah dengan menyediakan perlindungan kepada pembeli dan memastikan keyakinan bahawa rumah yang dibeli mengikut piawaian yang dipersetujui.

Dengan inisiatif-inisiatif ini dan yang lain lagi ia bertujuan untuk menggalakkan rakyat dan penduduk yang lebih mampu untuk mendapatkan rumah di pasaran terbuka mengikut kehendak masing-masing tanpa mengikuti Rancangan Kemajuan Perumahan.

Mengenai cadangan kawalan harga rumah di pasaran, kementerian ini berpendapat bahawa lebih baik ia dibukakan secara *open market* dan harga ditetapkan oleh *competition* ataupun persaingan pasaran dan pada masa ini Kementerian Pembangunan juga akan meneliti dasar-dasar, syarat-syarat untuk mendapatkan Perumahan Kemajuan Negara dalam memperkenalkan apa jua perubahan ke atas rancangan perumahan negara, pihak kerajaan akan tetap mengambil kira keperluan-

keperluan rakyat khususnya dari segi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan atas mukadimah yang disampaikan terutama sekali kepada beberapa fokus-fokus utama dan beberapa program untuk tahun 2021/2022 serta beberapa pencapaian projek yang telah dilaksanakan bagi tahun 2020 yang lalu.

Soalan kaola berkaitan di bawah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Yang Berhormat Pengerusi. Visi Jabatan Kemajuan Perumahan ialah perumahan untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam manakala misi Jabatan Kemajuan Perumahan ialah untuk menyediakan perumahan yang selamat, berkualiti dan termampu bagi rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dengan visi dan misi ini penyediaan perumahan secara amnya rakyat Negara Brunei Darussalam termasuklah golongan daif, fakir dan miskin. Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengambil maklum Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai kelambatan penyediaan rumah bantuan kepada golongan daif disebabkan oleh beberapa masalah teknikal yang dihadapi.

Maka kaola ingin bertanya kepada Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, adakah Jabatan Kemajuan Perumahan mempunyai peranan dalam membantu dan menangani masalah kelambatan pembinaan rumah bantuan bagi golongan yang kurang berkemampuan ini?

Mungkin dengan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat bantuan perumahan bagi golongan daif, fakir dan miskin ini dapat diserapkan ke skim-skim perumahan negara seterusnya di bawah pengendalian Jabatan Kemajuan Perumahan. Semoga dengan cara ini permohonan rumah bantuan bagi golongan ini dapat dipermudahkan dan dipercepatkan.

Seterusnya kaola ingin mengetahui perkembangan terkini mengenai perancangan kementerian terhadap Perumahan Negara H40 ini?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat mengenai soalan tadi. Bagi menjawabnya, soalan pertama itu mengenai Jabatan Kemajuan Perumahan. Nampaknya Jabatan Kemajuan Perumahan tidak memainkan peranan dalam pembinaan rumah bantuan bagi golongan yang kurang berkemampuan termasuklah golongan daif, fakir dan miskin kerana projek rumah bantuan golongan daif, fakir dan miskin ini yang memiliki tanah bergeran ataupun *LTS* adalah di bawah biayaan

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang dikendalikan sama oleh Jabatan Perdana Menteri dan juga kementerian ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Untuk makluman, semenjak 2008 hingga 2020 sebanyak sejumlah 100 buah rumah bagi golongan daif ini telah siap. Pada tahun ini, 3 buah rumah akan siap manakala 12 buah rumah akan bermula pembinaannya dalam masa yang terdekat. Adalah dijangkakan ada lagi 25 buah rumah yang akan ditawarkan pada tahun ini dan pembinaan akan dijangka bermula *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pada penghujung tahun ini.

Untuk mengurangkan kelambatan perlaksanaannya pihak Jabatan Kerja Raya telah pun mendapatkan beberapa penyelarasan awal dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu tapak dan bagi menangani isu-isu teknikal terutama sekali yang berkaitan dengan pembinaan rumah-rumah tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kerja Raya sedang melaksanakan pembinaan dengan kaedah dua atau tiga buah rumah dalam satu kontrak bagi penerima-penerima yang kawasan sekampung ataupun berhampiran agar rumah-rumah tersebut dapat siap dilaksanakan secepat mungkin.

Mengenai soalan dapatkah golongan daif, fakir dan miskin dapat diserapkan dalam Skim Perumahan Negara. Cadangan ini telah dibincangkan di peringkat kementerian di bawah *Housing Focus Group*. Walau

bagaimanapun, memandangkan *waiting list* bagi mendapatkan rumah di bawah Skim Perumahan Negara masih panjang dan kelamaan menunggu masih lama dan terdapat jua percanggahan dengan syarat-syarat Skim Perumahan Negara seperti pemilikan tanah dan pendapatan, maka cadangan ini belum dapat diputuskan. Dirumuskan sahaja bahawa perkara ini masih dalam perbincangan kerajaan oleh beberapa agensi termasuklah jua di bawah Jawatankuasa Isu-Isu Kemiskinan dan *Housing Focus Group*.

Manakala soalan kedua iaitu, mengenai Skim Perumahan H40 yang berada di kawasan Kampung Lambak Kanan atau sebuah rumah pangsa yang telah siap dibina. Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan sememangnya menyasarkan bagi semua 300 unit apartment H40 Lambak Kanan untuk diperuntukkan dan didiami oleh pemohon-pemohon yang berkelayakan di bawah Skim Perumahan Negara dengan seberapa cepat yang boleh. Sejak tahun lepas, Jabatan Kemajuan Perumahan telah pun menawarkan kepada pemohon-pemohon di bawah Rancangan Perumahan Negara yang mengikut sukat-sukat seperti tahun pemohon dan juga pendapatan ataupun *income*.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , setakat ini seramai 230 pemohon ataupun 150 pemohon yang sudah berkeluarga dan 40 pemohon yang bujang telah menunjukkan minat untuk mendiami Apartment H40 Lambak Kanan dan dengan bebarapa berikutan *sesi viewing day* yang telah pun dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan

untuk memberikan peluang kepada pemohon-pemohon untuk meninjau dengan lebih dekat dan melihat sendiri unit-unit *apartment* bangunan kawasan dan juga kemudahan yang disediakan.

Pada mulanya rancangan untuk meng*offer* kepada pemohon-pemohon ada yang sebilangan mereka enggan menerimanya sebab rumah yang biasa di bagi adalah rumah dengan tanah dan ini berbeza hanya unit sahaja. Tetapi dalam H40 ini ia mengandungi kawasan yang besar, 4 buah *bedroom* dengan menyediakan 2 *carpark* bertingkat mengandungi 49 unit tempat-tempat komersial fasiliti dan *daycare* termasuk *multipurpose hall* dan juga *sport facilities*.

Setelah beberapa sesi taklimat untuk memberikan penerangan kepada pemohon-pemohon dan penjamin yang berasaskan lesen *agreement sub-guarantee* yang baru dikenalkan khusus untuk pemilik dan penjamin khusus unit H40 juga telah selesai diadakan pada bulan Mac 2021 baru-baru ini.

Jumlah sebenar pemohon yang menerima tawaran tersebut pada masa ini belum dapat diketahui walaupun pemohon telah diberikan masa untuk memberikan ketetapan sama ada menerima jawapan *Apartment H40* atau sebaliknya.

Banyak pemohon yang meminta tempoh sebelum mereka dapat memberikan kata putus seperti berusaha dengan menghadapi isu-isu penjamin. Prosesnya selanjutnya adalah diundi dan

seterusnya memperuntukkan unit kepada yang berjaya nanti. Perkara ini disasarkan untuk dilaksanakan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** sebelum menjelang hari raya tahun ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** .

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** lebih dahulu di ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Pembangunan atas mukadimah yang disampaikan pagi ini dan kaola juga mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat bahawa jalan raya Kampung Serasa telah dapat diperbaiki sejauh ini dan juga banjiriran dapat diatasi oleh Kementerian Pembangunan iaitu antara Kampung Sungai Buluh dan Kampung Pengarayan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengajukan sahaja perkara ini ada 3 isu yang kaola ingin timbulkan dan ingin bertanya dan berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

1. Kaola ingin bertanya dan ingin mengetahui berapakah jumlah permohonan untuk Rancangan Perumahan Negara setakat ini?. Pada masa ini, setakat tahun berapakah giliran Rancangan Perumahan Negara, kalau boleh Jabatan Perumahan di bawah Kementerian Pembangunan bolehlah mengumumkan jumlah

permohonan pada setiap tahun dan ini cadangan sahaja Yang Berhormat.

2. Kaola ingin menyentuh di bawah Tajuk SK06A- Jabatan Tanah yang peruntukannya telah diberikan iaitu \$10,676,700.00 juta. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** , akhir-akhir ini kita mendengar kegiatan pembuangan sampah di tempat yang bukan khas tempat pembuangan. Kebanyakan tapak ini adalah di atas tanah kerajaan, diambil maklum bahawa tindakan telah pun diambil terutamanya Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi, soalnya kenapa tidak ada tindakan diambil di bawah Akta Tanah kerana jelas ia memasuki tanah kerajaan tanpa izin, ini berbeza jika kiranya masyarakat kampung yang membersihkan tapak kerajaan atau berusaha di tanah kerajaan, maka adakah surat amaran dari pihak Jabatan Tanah yang antaranya memaklumkan jumlah denda atau penjara yang dikenakan atas perkara ini. Mohon pencerahan Yang Berhormat.
3. Dalam tajuk yang sama, kaola ingin bertanya mengenai permohonan pindah milik tanah khususnya pembelian harta tanah yang dibuat orang Melayu daripada pemaju. Tanah ini adakah bahagian pemaju atau *developer's share* yang pemaju tidak mempunyai niat untuk memegangnya. Tuan tanah membuat perjanjian kemajuan dengan pemaju antaranya ialah ada bahagian tanah berkenaan diperuntukkan kepada pemaju, bagi bahagian pemaju dipersetujui agar permohonan untuk memindah milik tanah berkenaan

adalah urusan pemaju dengan pemilik tanah asal memberikan kuasa untu berurusan dengan Pejabat Tanah bahawa terdapat permohonan yang tidak diproses dan ada permohonan yang diluluskan tidak didaftarkan kepada pembeli, kerana pihak Jabatan Tanah memerlukan tuan tanah asal hadir untuk menandatangani dokumen pindah milik.

Untuk makluman majlis, ada jua 2 buah tanah pemilik telah meninggal dunia dan pihak Jabatan Tanah mahu urusan waris dibuat lebih dahulu. Proses ini memakan masa dan pihak pembeli telah membuat urusan bank dan membayar harga jualan.

Kaola menyoal perkara ini kepada Yang Berhormat kenapa boleh terjadi sedangkan pihak kementerian membuat ketetapan untuk membenarkan pemaju untuk mewakili tuan rumah.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas 3 soalan tersebut.

1. Mengenai cadangan jumlah permohonan RPN setakat ini supaya dapat di *share* kepada *public* dan juga setakat mana tahun berapa proses giliran RPN. Nampaknya Jabatan Kemajuan Perumahan sedang meneliti pada masa ini sebabnya jumlah yang mengikut syarat dan memohon memang banyak dan masih lagi meneliti syarat-syarat sama ada mereka ini layak atau sebaliknya.

Memang satu cadangan yang akan dikongsikan juga dan mendapati peneliti yang lanjut kerana pemohon-pemohon pada masa ini semakin tahun semakin bertambah. Ingin mengongsikan bahawa berdasarkan perangkaan bagi permohonan yang diterima dari Jabatan Kemajuan Perumahan permohonan telah pun meningkat secara konsisten daripada 3,560 pemohon pada tahun 2010 kepada 6,308 pemohon pada tahun 2015, walaupun sejak 5 tahun kebelakangan permohonan waktu mengikut RPN telah menampakkan juga penurunan dari 4,037 pada tahun 2016 sehingga kurang daripada seribu permohonan sebanyak 853 permohonan diterima daripada tahun 2019 dan 924 permohonan diterima pada tahun 2020. Pembahagian rumah ini adalah mengikut giliran tahun pemohon dan tertakluk juga kepada syarat dan kemampuan pemilik pemohon iaitu berdasarkan kepada pendapatan dan juga jenis-jenis rumah, bagi jenis-jenis rumah teres dan kembar, Jabatan Kemajuan Perumahan telah pun memperuntukkan mengikut giliran permohonan sejak tahun 2004 manakala bagi rumah jenis kluster ialah sehingga permohonan tahun 2008.

2. Mengenai soalan kedua iaitu tindakan yang berkaitan dengan membuang sampah. Isu membuang sampah memanglah satu isu yang kita hadapi pada masa ini, tindakan undang-undang bagi kesalahan membuang sampah di tanah kerajaan sebenarnya dilaksanakan oleh

pelbagai agensi kerajaan, bagi Kementerian Pembangunan khususnya Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang berperanan untuk mengawal selia alam persekitaran Negara Brunei Darussalam mengikut Penggal 30, Bab 12 - Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (*Minor Offenses Act Of Uncleanliness In Public Places And Unauthorised Dumping*).

Kesalahan pembuangan sampah di tanah kerajaan mungkin tidak ada kena-mengena dengan Bab 32 Kanun Tanah.

Bagi kesalahan atas tanah kerajaan, Seksyen 32 di bawah Kanun Tanah memperuntukkan kesalahan jika seseorang tanpa kebenaran menduduki atau membangunkan bangunan atau bercucuk tanam atau memotong sebarang kayu atau mengambil sebarang hasil daripada tanah kerajaan, jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$2,000 bagi kesalahan pertama dan kesalahan yang berulang denda sehingga \$3,000 atau 1 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Bagi tindakan menceroboh ke atas tanah kerajaan dengan sengkaja, ini adalah kesalahan di bawah Seksyen 21 – Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil yang boleh dikenakan hukuman denda sehingga \$1,000. Walau bagaimanapun, kesalahan ini tidak boleh dikompau dan penyelesaian hanyalah dihadapkan kepada pihak mahkamah.

Ini berbeza daripada kesalahan pembuangan sampah di tempat-tempat awam di bawah Seksyen 12 – Akta

Kesalahan-Kesalahan Kecil yang pesalah-pesalah lazimnya boleh dikenakan denda *compound* sehingga \$500. Penguatkuasaan bagi kesalahan ini lumrah dijalankan oleh pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Selain itu tindakan juga boleh diambil bagi kesalahan-kesalahan pencerobohan jenayah (*criminal trespass*) ataupun kacau ganggu awam (*public nuisance*) di bawah Hukum Kanun Jenayah untuk mengambil tindakan bagi kesalahan-kesalahan ini memerlukan saksi untuk melaporkan perkara ini kepada pihak polis untuk penyiasatan lanjut.

3. Mengenai dengan soalan ketiga, mengenai *power of attorney*. Barangkali untuk menjelaskan bahawa pihak kementerian sebenarnya tidak ada halangan untuk menerima permohonan pindah milik tanah daripada pemaju yang menggunakan *power of attorney* asalkan mempunyai *development agreement* bersama tuan tanah.

Mengenai pemilik tanah yang meninggal dunia, pihak Jabatan Tanah hanya menghendaki urusan waris dibuat lebih dahulu adalah mengikut *case to case basis*. So, pihak kementerian akan meneliti perkara ini bagi memperbaiki proses tindakan pemindahan pemilik dan pemilik tanah yang meninggal dunia dan mempunyai *development agreement* dan menggunakan surat kuasa wakil *power of authority*.

Pihak *ABCi* pun sebenarnya untuk meneruskan kemajuan-kemajuan,

hanyalah memerlukan perjanjian (*agreement*) yang telah dibuat antara pemilik dan pemaju, dan mereka boleh dapat meneruskan kemajuan tersebut. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola ikut bersama merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas pembentangan sebentar tadi. Kaola merujuk di bawah Kod Akaun 002/00 - Perancangan dan Pengurusan Polisi. Kaola membawa isu perumahan kosong sepertimana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan iaitu khusus kepada perumahan yang pada mulanya adalah di bawah kawalan Jabatan Telekom Brunei kemudian di bawah *TelBru* bertempat di Jalan Danau, Kampung Telisai. Terdapat lebih 10 buah banglo, 4 buah rumah bertiang dan sebuah flat. Sekarang sudah hampir 4 tahun tiada penghuni, semasa ditinggalkan adalah dalam keadaan baik.

Soalan kaola, agensi manakah yang bertanggungjawab mengenai perumahan ini? Adakah diambil alih oleh kerajaan sepenuhnya? Cadangan kaola, jika boleh sebahagian bangunan perumahan ini diperuntukkan kepada Pusat Kegiatan Warga Emas Tutong iaitu sebagai cawangan aktiviti, pentadbiran

dan pameran produk warga emas, kerana bangunan Pusat Kegiatan Warga Emas Tutong yang ada sekarang adalah kecil dan sempit.

Kini keahlian warga emas di Daerah Tutong sudah melebihi 200 orang. Selain itu, oleh sebab di Daerah Tutong, kesukaran untuk mendapatkan rumah maka selebihnya sesuai untuk diperuntukkan kepada orang kurang berkemampuan atau mangsa kebakaran dan banjir bagi penginapan sementara.

Kaola seterusnya merujuk di bawah Tajuk SK002/00 - Jabatan Kerja Raya. Pengurusan dan Pembangunan Rangkaian Infrastruktur dengan Anggaran Perbelanjaan 2021/2022 \$40,134,960.00. Kaola terus kepada soalan, apakah ada cadangan untuk menaik taraf jalan-jalan utama yang rendah dari paras jalan yang sering dilanda banjir setiap kali musim hujan secara berfasa.

Jalan yang dimaksudkan ialah jalan yang bertompok-tompok banjirnya iaitu tidak memanjang sepanjang jalan tetapi amat sukar dilalui oleh kenderaan jenis salon contohnya sebahagian Jalan Sungai Damit, sebahagian Jalan Bang Pangan, Jalan Pak Bidang dan Jalan Melaboi dalam Mukim Ukong dan yang sangat tinggi paras airnya ketika banjir ialah Jalan Kuala Bangkuru dan Keranching dalam Mukim Rambai.

Seterusnya ialah di bawah Tajuk SK04A – Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Baru-baru ini penyerahan kawasan tanah di Kampung Pengkalan Dalai untuk

Akademik Polis adalah sebahagian daripada perancangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa 2025, Mukim Telisai yang pernah dijerayawarkan dua dekad yang lalu. Mungikinkah ada lagi perancangan kemajuan yang lain akan dilaksanakan oleh jabatan ini berdasarkan perancangan 2025. Kaola memohon maklumat yang terkini.

Merujuk di bawah Tajuk SK06A - Jabatan Tanah di bawah Kod Akaun 003/000 - Peraturan dan Undang-Undang Tanah. Soalan pertama, dalam Jabatan Tanah apakah perancangan pemulihan jangka pendek dan panjang terhadap keadaan kawasan yang terjejas seperti banjir di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati yang dulunya tidak pernah mengalami banjir. Longkang dan sebahagian Jalan Telisai, Sungai Liang tertimbus ketika musim hujan dan Sungai Telamba, Danau menjadi cetek berlumpur oleh tanah susur akibat aktiviti meruntuh bukit Sungai Paku bagi pengambilan pasir.

Oleh itu sebagai cadangan, disarankan pada rancangan pemuliharaan akan dilaksanakan terhadap kawasan yang rosak akibat pengambilan tanah ini dan tempoh pengambilan tanah di kawasan ini diberhentikan sesudah tamat permit pengambilan tanah dan mencari ganti di kawasan lain kerana aktiviti ini telah hampir 3 dekad dilaksanakan.

Selain itu **dicadangkan pembinaan longkang di kedua-dua** tepi jalan raya Telisai Sungai Liang bermula dari penghapusan Sampah Sungai Paku

hingga ke hujung jambatan Sungai Teraban.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat saya harap soal-soal longkang dan sampah, soal-soal, harian ada barangkali jangantah dibawa ke dalam mesyuarat kitani ini. Ada baiknya biskita terus sahaja berjumpa dengan menteri yang berkenaan, apa masalahnya. Menteri yang berkenaan pun sudah bersedia untuk menerima biskita dengan soalan-soalan yang akan dibukakan, ada baiknya dikemukakanlah soalan-soalan itu.

Saya melihat abiskita mempunyai jadual tertentu untuk berhubung berjumpa dengan kementerian-kementerian yang berkenaan. Saya hairan perkara-perkara seperti itu tidak ditimbulkan dalam perjumpaan-perjumpaan yang lain. Jadi kenapa semestinya kitani tunggu waktu ini, soal-soal seperti itu barangkali soal-soal yang harus dikemukakan kepada pegawai-pegawai daerah saya kira soal yang boleh diselesaikan.

Kalau ditunggu pun jawapannya sama jua, minta maaf lah jawapan pun sama, jadi apa kesudahannya, inda jua tentu. Jadi baik jua kitani barangkali menumpukan perhatian kitani kepada bajet yang kitani hadapi waktu ini. Kalau kerja kitani terbengkalai kitani jua kerja kitani kalau sekiranya kitani inda dapat

menumpukan pemikiran kitani kepada bajet.

Tadi sudah ditanyakan mengenai dengan soal masjid misalnya **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, dijawab oleh menteri berkenaan. Ada baiknya fokuslah perundingan kitani kepada soal-soal mengenai bajet yang kitani hadapi ini. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya apa jua soalan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi memang telah pun diterangkan semasa permuzakarahannya di Kementerian Pembangunan sebanyak 2 kali. Kaola pun mungkin dapat dengan secara persendirian memaklumkan kepada Yang Berhormat nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Kementerian Pembangunan di atas keterlibatan usaha ke arah *Smart Nation* dan Wawasan Brunei 2035. Kaola suka membuka di bawah Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya:

1. Kaola ingin mengambil perhatian berkenaan kemudahan susur keluar dan susur masuk jalan raya utama, ia dilihat sangat perlu bagi keselamatan dalam pendekatan *a whole of nation approach*. Jalan utama yang perlu susur masuk dan keluar seperti contoh jalan masuk dan keluar ke Taman Damuan, jalan masuk kedai-kedai Soon Lee Ayamku dan kedai-kedai lain di Jalan Bengkurong. Ini sebagai satu contoh sahaja.;
2. Dipohonkan dimasukkan dalam perancangan jangka panjang bagi menaik taraf jalan penghubung yang dikenali sekarang Jalan Ambin bagi penghubung Kampung Pancor Murai dan Kampung Wasan yang terlibat dalam pencantuman dalam Skim *Rezoning* Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri?; dan
3. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, Jalan Tutong di Kampung Sengkurong hingga ke Tutong akan ada kerja-kerja pembaikan dan pembesaran jalan. Apakah ada penelitian dan perancangan di pada masa akan datang untuk membuat *flyover* di simpang Jerudong, di Kampung Sengkurong yang dikira *traffic flow* biasa tersekat di waktu pagi?

Seterusnya, di bawah Tajuk SK06A – Jabatan Tanah. Dicadangkan perlaksanaan *enforcement* dan tindakan berkesan dalam penggunaan tanah oleh orang asing dalam apa jua bentuk perniagaan atau perusahaan atau apa jua kegunaan seluruh negara.

Seterusnya, kaola membawa di bawah Tajuk SK08A – Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Apakah Pantai Tungku termasuk *gazette* Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi kerana Pantai Tungku sekarang tidak terbuka kepada orang ramai, walaupun sudah berpuluh tahun dari generasi ke generasi dijadikan tempat kunjungan orang ramai. Pantai Hutan Simpan Berakas jadi pilihan tetapi jauh bezaannya dari seperti yang ada di Pantai Tungku dan juga parkir kereta yang agak terhad. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat, mengenai beberapa soalan.

1. Penyediaan jalan susur masuk, mengenai perkara ini penyediaan susur masuk dan susur keluar pada masa ini dijadikan sebagai salah satu *standard* ataupun piawaian ataupun keperluan di mana dalam mana-mana pembangunan baharu yang di kawasan berskala besar ataupun tinggi penggunaannya seperti perumahan, komersial, perindustrian. Namun masih juga ada kawasan-kawasan yang tidak mempunyai jenis laluan tersebut, maka pihak kementerian akan berusaha menilai semula kawasan-kawasan berkenaan dan merancang bagi menambah baik masuk kepada peruntukan nanti dan juga seperti di jalan-jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.;
2. Penilaian kepada soalan kedua, iaitu mengenai menaik taraf jalan penghubung Jalan Ambin, pihak kementerian akan membuat penilaian

ke atas cadangan berkenaan Mengenai soalan ketiga, Jalan Tutong hingga ke Kampung Sengkurong adakah pembaikan, pembesaran jalan. Pihak Kementerian belum mempunyai perancangan bagi penyediaan *flyover* di persimpangan berkenaan kerana projek pelebaran Jalan Tutong yang sedang dijalankan pada masa ini, sudah siap nanti akan dinilai semasa pergerakan *traffic* semasa *peak hours* dan membuat rumusan jika penaikan taraf persimpangan berkenaan perlu untuk dirancang dan seterusnya untuk dipohonkan peruntukan-peruntukan yang tertentu. Walau bagaimanapun, pihak kementerian mempunyai perancangan awal untuk membina jalan penghubung baharu yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di Jalan Tutong seperti yang dimaksudkan. Perancangan ini mungkin akan dipohonkan dalam kemajuannya seterusnya.;

3. Mengenai soalan Jabatan Tanah. Barangkali pihak kementerian ingin memberi penjelasan mengenai syarat tanah, sama ada perniagaan ataupun perusahaan, ia tidak ada menetapkan siapa yang boleh menjalankan aktiviti perniagaan ataupun perusahaan di atas tanah. Isu penguatkuasaan aktiviti perniagaan ataupun perusahaan oleh warga asing ini sebaliknya dikawal oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas kemasukan pekerja-pekerja asing dalam negara ini.; dan

4. Mengenai soalan Pantai Tungku. Mungkin barangkali Pantai Tungku bukanlah di bawah penyelenggaraan Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi tapi di bawah kawalan BIA yang berkeluasan kira-kira 790 ekar dan berdaftar atas nama *BIA*. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang jelas dari Yang Berhormat Menteri Pembangunan serta tahniah yang setinggi-tingginya dan penghargaan kepada pihak kementerian atas sokongan padu yang diberikan kepada *Ben Power Industries Steering Community* di bawah *MPEC Constructions* yang pihak industri pendidikan dan *regulators* bekerja secara tiga pihak untuk memastikan *supply* dan *demand* dapat dipenuhi.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ melalui *local business directives* pihak kementerian juga memastikan terdapatnya peluang pekerjaan, latihan dan *mentoring* bagi anak-anak tempatan. Galakan kementerian ke atas syarikat-syarikat tempatan untuk memberikan latihan dan peluang kepada anak-anak tempatan dalam bidang pembinaan amat dibanggakan.

Untuk mencapai kelestarian ini diharap pihak kementerian akan sentiasa mengadakan dialog dan *workshop* dengan pihak industri bagi memastikan program latihan dapat dilaksanakan secara berterusan.

Tahniah juga kerana telah mengadakan dua kali *Job Market Place* bersama *JCB* dan *MISC Constructions* iaitu lebih 400 kekosongan jawatan sehingga kini ditumpukan kepada industri pembinaan termasuklah *ARMECS Bridging Programme*, bagi *Constructions Supervision and Drafting* kali kedua. Buat pertama kalinya juga pihak kementerian industri dan *IBTE* bekerjasama melalui *MISC Constructions* dapat membukakan program *duality about HNTec Construction and Draughting*.

Yang Berhormat Pengerusi, ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan. Sejak beberapa tahun kebelakangan, saya telah mengetengahkan isu-isu mengenai aset kerajaan dalam Dewan yang mulia ini termasuklah dari segi pengauditan, penghapusan dan pemeliharaan terutama sekali bangunan-bangunan yang terbiar.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, saya telah dimaklumkan bahawa terdapat satu *flagship programme* di bawah *Digital Economy Masterplan* iaitu *Government Assets and Information System (GAIS)* di bawah inisiatif pihak Kementerian Pembangunan *Digital Paradigm 2020-2035* di bawah *Smart Infrastructure*. Saya juga melihat adanya peruntukan harga rancangan sebanyak \$5.8 juta dengan harga rancangan

sebanyak \$2.6 telah disediakan pada tahun 2021/2022.

Soalan saya, apakah fungsi *Government Assets and Information System (GAIS)* ini dan apakah status implementasinya setakat ini? Saya berharap *GAIS* ini nanti bukan hanya untuk pendaftaran aset-aset kerajaan secara digital tetapi juga sebagai sistem bersepadu iaitu *integrated* yang mengandungi operasi manual, jadual *maintenance*, *blueprints*, *warranties* dan juga data-data penghapusan yang dapat dipantau.

Adalah juga diharapkan adanya wujudnya satu badan khas untuk menguruskan aset-aset kerajaan ini. Saya percaya dengan adanya satu badan khusus untuk pengurusan aset-aset kerajaan secara menyeluruh, pengendalian akan lebih efisien dan seterusnya menjimatkan kos pemeliharaan aset-aset kerajaan secara menyeluruh, sebagai contoh Kementerian Pendidikan mempunyai aset yang paling banyak dan telah berjaya menjimatkan sebanyak \$6.8 juta setahun melalui pelaksanaan *facilities management* yang merangkumi institusi-institusi pendidikan rendah dan menengah dan berjaya menjana 260 peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

Menyentuh mengenai *fiscal consolidation*. Sepanjang tiga tahun, harga perbelanjaan pemeliharaan aset-aset kerajaan yang telah disediakan bagi keseluruhan kementerian-kementerian di bawah Kod Akaun B00400 lebih dari \$350 juta setahun dan melalui peraturan

yang teratur dan secara menyeluruh ia akan dapat menjimatkan berjuta-juta ringgit perbelanjaan kerajaan. Dengan ini cuba kita bayangkan berapa jumlah pekerjaan yang boleh ditawarkan kepada anak-anak tempatan kita.

Perkara kedua, saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian dapat mengkaji semula dasar penggunaan tanah yang lestari (*sustainable land usage*). Melalui data Jabatan Kerja Raya terdapat lebih daripada 5,000 aset kerajaan telah didaftarkan. Penting untuk kita ketahui bahawa aset-aset kerajaan ini tanggungjawab semua pemilik bangunan, terutama sekali bagi kementerian-kementerian yang memilikinya.

Saya mengetahui bahawa setakat ini sekitar 405 buah aset kerajaan yang didaftar telah dikategorikan sebagai kosong atau terbiar. Sekiranya aset-aset ini tidak boleh digunakan ataupun *unsafe*, dipohonkan agar ia dapat dihapuskan. Ini membolehkan penggunaan semula tanah atau penggunaan aset ini bagi projek-projek kerajaan yang baharu sebagai *priority* dan tidak perlu membangun di atas tanah *greenfield* yang baharu. Dengan adanya 405 bangunan terbiar pada masa ini kita akan dapat menjimatkan lebih dari 30,000 pемotongan pokok dan ini lebih dari cukup untuk kempen 26,000 pokok setahun di bawah protokol hijau.

Ketiga, saya ingin menyentuh mengenai *contract design and build*. Saya ingin membangkitkan mengenai kebimbangan

yang dihadapi oleh pihak profesional dalam industri pembinaan dan ia disuarakan semasa satu sesi dialog yang telah diadakan pada bulan Januari baru-baru ini. *Design and build* telah menjadi satu *procurement trend* di Negara Brunei Darussalam dan hampir semua *tender* kerajaan memilih *design and build*.

Design and build tender selalunya dibukakan secara langsung kepada syarikat-syarikat pembinaan kontraktor dan kemudiannya kontraktor pula akan melantik para konsultannya sendiri. Pada dasarnya mungkin nampak bahawa *contract design and build* dapat menjimatkan kos dan masa tetapi selalunya butiran-butiran penting yang diperlukan tidak akan dikongsikan semasa *tender* dibukakan iaitu *no transparency*.

Saya berpendapat bahawa proses *design and build* haruslah diteliti kesesuaiannya bagi sesebuah projek bangunan kerana tidak semua jenis projek bangunan ini sesuai menggunakan proses tersebut. Adanya keperluan untuk melantik konsultan-konsultan yang berdaftar lebih dahulu untuk memastikan bahawa reka bentuk dan komponen-komponen yang lain seperti kesesuaian tanah dapat diberikan perhatian sewajarnya sebelum memulakan projek tersebut. Dialu-alukan nanti *further dialogue* antara konsultan-konsultan yang berdaftar dan Kementerian Pembangunan di luar Dewan ini untuk membahaskan isu-isu nanti.

Akhir sekali, saya menyokong penuh hasrat pihak kerajaan untuk

mengembangkan sektor swasta akan tetapi pada masa yang sama pihak jabatan-jabatan kementerian juga ingin meningkatkan kemampuan *in-house capacity* mereka. Ini bercanggah dengan inti pati dalam usaha mengembangkan sektor swasta. Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang unik yang pelanggan utama ialah pihak kerajaan.

Oleh itu, perlunya untuk *invest*. Sekali lagi saya menekankan *invest in our locals*. Terutama sekali di bawah *services* agar suatu hari nanti mereka dapat menjadi pakar dan memberikan perkhidmatan mereka di dalam dan luar negara.

Oleh itu, tidak perlulah bersaing dengan kemampuan *in-house capacity* di bawah jabatan-jabatan kerajaan tetapi bekerjasamalah dengan membangun sektor swasta kerana saya percaya bahawa negara kita mampu melahirkan dan mengeksport perkhidmatan profesional dan pakar yang terbaik di rantau ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat mengenai beberapa soalan dan pandangan. Kementerian Pembangunan mengambil maklum mengenai cadangan-cadangan dan juga usul-usul yang telah dibangkitkan tadi iaitu mengenai aset kerajaan *flagship progress* projek iaitu (*GAIS*) *Government Assets and Information System*.

Apakah fungsi dan status pelaksanaan pada masa ini? Untuk makluman bahawa *GAIS* ini adalah *flagship* projek di bawah Kementerian Pembangunan, di bawah RKN-11 yang objektifnya untuk menyediakan sistem yang bersepadu iaitu *integrated* bagi pengurusan aset-aset kerajaan secara menyeluruh iaitu mengikut *asset life cycle* ataupun perolehan penggunaan pemeliharaan dan penghapusan untuk membantu dalam memantau dan memelihara aset-aset kerajaan yang lebih teratur.

Fasa pertama menumpukan kepada 3 kementerian, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pertahanan. Fasa kedua akan diserapkan *إِنْ شَاءَ اللهُ* kepada semua pihak kementerian dan kedudukan pada masa ini sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menyerapkan *requirements specifications* dengan sistem-sistem yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi mengelakkan duplikasi. *So, إِنْ شَاءَ اللهُ* akan diteruskan perundingan-perundingan mengenai dengan macam mana untuk melaksanakan program-program *GAIS* ini.

Mengenai dengan aset-aset kerajaan ini, barangkali kaola pun sudah nyatakan pada mukadimah kaola tadi. Jadinya, memang perlu diselidiki bersama dengan pihak-pihak yang terlibat kerana memerlukan penelitian yang terperinci bukan sahaja di bawah Kementerian Pembangunan sahaja kementerian-kementerian yang berkenaan kerana ia

melibatkan aset-aset kerajaan kerana kerajaan yang membiayainya. Perlulah kita meneliti dasar-dasar dan peraturan-peraturan macam mana untuk menyelesaikan perkara ini.

Satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk melihat perkara-perkara yang dapat diselesaikan, *إِنْ شَاءَ اللهُ*. Mengenai *design and build*, memang satu teknik atau kaedah yang diguna-pakai pada masa ini dengan Jabatan Kerja Raya iaitu untuk memudahkan dan mempercepatkan proses-proses pelaksanaan projek tetapi memang betul juga, kalau kita berpengalaman untuk membuat kaedah-kaedah ini mungkin akan merugikan pihak kerajaan.

Tapi oleh kerana perkara ini telah pun dilaksanakan dan mengikut cara-cara atau dipraktikkan, *some of the project* yang dilaksanakan telah *success*. *إِنْ شَاءَ اللهُ* keperluan-keperluan untuk melantik atau kontraktor sendiri melantik konsultan akan perlu diteliti semula oleh Kementerian Pembangunan kerana semua konsultan tersebut perlu berdaftar di Kementerian Pembangunan mendapatkan kebenaran dari pihak Kementerian Pembangunan. *إِنْ شَاءَ اللهُ*, segala penelitian akan dikaji semula kaedah-kaedah ini bagi pelaksanaan projek yang seterusnya. Barangkali itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Dalam keghairahan kitani berunding dan bercakap mengenai dengan semangat pembangunan dan

semangat menimbulkan pekerjaan anak-anak tempatan, saya teringat kepada pernah disebut oleh *President Kennedy, President Amerika Syarikat* yang paling muda pada waktu itu katanya: "*Ask not what the government can do for you, ask what you can do for the government*". Cuba kita merenung kembali, bukan sahaja kita meminta tapi menuntut apa yang harus dibuat oleh kerajaan.

Kerajaan kitani boleh dikatakan sebagai sebuah kerajaan *the most benevolent* yang memberikan 'A' to 'Z' kemudahan, jadi harus jua kitani bertanya apakah yang boleh kitani buat sendiri, supaya kitani membantu kerajaan yang cuba untuk menimbulkan lebih banyak pekerjaan, lebih banyak aktiviti ekonomi bagi menentukan bahawa pembangunan kitani adalah *sustainable*. Jadi, kitani berfikir.

Saya kira cukuplah sudah perbincangan kita bagi pagi ini dan saya kira adalah berpatutan sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita selalunya ikut tradisi British yang lama bahawa seorang *speaker* atas namanya *speaker* tetapi ia tidak berucap: "*speaker does not speaks*" tetapi saya minta maaf ada kalanya saya terpanggil dengan saranan-

saranan yang dibuat oleh biskita semua terikut turut juga, ikut memberikan sedikit sebanyak pendapat. Saya minta maaf atas sekiranya saya keterlaluan dalam memberikan pendapat saya sendiri.

Walau macam manapun, saya kira sudah cukup sekian kita bersidang pada pagi ini. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, kita akan bersidang semula pada sebelah petang ini nanti pada pukul 2.30 petang sebagaimana lazim dan kita akan menyambung semula perbincangan kita.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)